

Hutang luar kemampuan punca muflis

Kuala Lumpur: Menjadi muflis bukanlah satu perkara yang boleh dibanggakan lebih-lebih lagi kerana apabila muflis, seseorang individu itu tiada lagi kuasa terhadap kewangan sendiri, malahan aset milik mereka mungkin dilelong untuk melangsankannya hutang.

Mereka yang muflis akan berada di bawah pengawasan Ketua Pengarah Insolvensi dan berdepan beberapa sekatan seperti akaun simpanan dan pelaburan dibekukan, tidak dibenarkan keluar negara dan tidak dibenarkan berbelanja lebih RM1,000 menggunakan kad kredit.

Semua aset seperti rumah dan kereta besar kemungkinan akan disita dan dilelong untuk membayar balik hutang. Walaupun begitu, mereka yang muflis masih perlu bekerja dalam usaha untuk melangsangkan hutang berkenaan, gaji yang diterima sebahagian besar akan diperuntukkan untuk membayar hutang.

Data muflis 2018 hingga Mei 2022 yang dikeluarkan Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) baru-baru ini, menunjukkan Pinjaman Peribadi adalah punca utama yang menyebabkan seseorang itu menjadi muflis dengan jumlah kes sebanyak 19,334 atau 41.9 peratus daripada keseluruhan kes.

Ini diikuti oleh sewa beli kenderaan sebanyak 6,843 kes atau 14.83 peratus, manakala, pinjaman perniagaan pula membabitkan 6,242 kes atau 13.53 peratus dan kad kredit sebanyak 3,850 kes atau

8.35 peratus.

Statistik ini juga menunjukkan, individu berusia antara 35 hingga 44 tahun paling ramai bankrap iaitu sebanyak 37.31 peratus atau 17,213 kes diikuti mereka yang berusia antara 45 hingga 54 tahun dengan 25.86 peratus atau 11,928 kes.

Golongan berusia 25 hingga 34 tahun pula membentuk 21.49 peratus atau 9,913 kes.

Sekiranya dikaji pinjaman yang menjadi punca utama muflis, secara umumnya boleh dikatakan ia disebabkan oleh pinjaman yang mudah diperoleh dan mengenakan caj faedah yang agak tinggi.

Oleh kerana ia mudah diperoleh, kemungkinan besar pinjaman berkenaan diambil untuk membeli perkara tidak perlu atau diluar kemampuan.

Antara punca utama seseorang itu bankrap ialah kegagalan mengurus dan mengambil hutang berdasarkan kemampuan semasa dan tidak melihatnya sebagai satu komitmen jangka panjang.

Malahan ada yang mengambil pinjaman peribadi dan menggunakan kad kredit untuk tujuan bermewah-mewah semata-mata.

Walaupun begitu, tidak dinafikan persekitaran semasa seperti pandemik COVID-19, kehilangan pekerjaan, sakit atau kenaikan harga barang juga boleh menyebabkan seseorang itu gagal melangsangkan pinjaman sedia ada kerana gaji yang diterima tidak lagi cukup untuk

membayai kehidupan.

Pastinya tiada siapa pernah menyangka pandemik COVID-19 akan melanda, harga ayam meningkat kepada RM9.40 sekilogram manakala harga minyak masak meningkat antara RM8-RM10 sekilogram.

Semua ini memang memberi kesan kepada kedudukan kewangan seseorang, namun hutang tidak akan terpadam begitu sahaja kerana berlakunya perkara luar dugaan ini, malahan kekal sebagai satu komitmen sehinggalah diselesaikan.

Justeru, dalam pengurusan kewangan seseorang itu tidak digalakkan mempunyai hutang melebihi 30 peratus daripada gaji bulanan.

Jika hutang melebihi 30 peratus daripada gaji, kedudukan kewangan sudah berada dalam keadaan bahaya, lebih-lebih lagi jika kita langsung tidak mempunyai tabungan kecemasan.

Keadaan disukarkan lagi apabila masih ramai tidak faham mengenai hutang yang diambil dan mengambil sikap menangguh dalam membayar hutang.

Sebagai contoh, membayar minimum untuk kad kredit setiap bulan sedangkan kuasa pengkompaunan menyebabkan hutang berkenaan bertambah apabila tidak dilunaskan dalam masa ditetapkan.

Agak membimbangkan kerana tren menunjukkan sebahagian besar daripada kita tidak segan untuk membuat komitmen hutang berbanding

mendisiplinkan diri untuk melabur.

Mungkin ini kerana dengan berhutang, kita dapat memiliki barang atau perkhidmatan yang diinginkan dengan segera berbanding melabur yang memerlukan masa sebelum manfaatnya dapat dirasai.

Ramai yang terlupa, hutang satu tanggungjawab yang perlu dilangsangkan manakala pelaburan membantu kita membina tabungan sebagai sandaran waktu memerlukan.

Jadi, jika anda baru bekerja, fokus untuk melabur dan membina tabungan kecemasan sebelum berangan membeli kereta atau menggunakan kad kredit. Jika belum ada tabung kecemasan, berusahalah untuk melabur walau hanya serendah RM30 setiap bulan.

Jika kini anda terperangkap dalam beban hutang, mulakan fokus untuk melangsangkan hutang dengan caj faedah paling tinggi, hentikan penggunaan kad kredit dan elakkan berbelanja untuk perkara bukan keperluan seperti bercuti, makan di restoran mewah dan sebagainya

Untuk memastikan kita tidak terperangkap dalam beban hutang keterluan, ikutilah nasihat yang sering dikongsikan penasihat kewangan iaitu melaburlah terlebih dahulu dan binalah tabung kecemasan yang sekurang-kurangnya menyamai enam bulan gaji semasa, sebelum mula berkenalan dan membina dengan hutang.

KUIZ PELABURAN PNB

#Olympiad30

#CapaiKemerdekaanKewangan

H	R	X	Z	F	B	C	K	R	H	E	B	P
L	I	W	B	R	C	M	A	B	W	P	E	U
I	S	T	U	I	H	I	E	T	C	N	G	U
N	A	S	V	S	G	J	N	I	G	L	Y	K
F	L	R	Q	I	C	K	H	K	U	C	S	A
G	F	I	P	K	F	L	O	O	U	I	P	E
H	N	S	O	O	P	M	G	I	C	M	N	N
I	I	R	N	Q	P	H	Y	X	N	E	Q	H
J	Z	T	M	A	B	H	S	O	D	P	A	L
K	Z	A	U	L	Z	V	P	I	R	S	T	I
L	Y	N	H	G	S	A	V	A	J	P	F	N
M	A	I	G	Y	B	I	B	H	S	A	E	A
N	A	I	F	S	D	A	C	S	B	K	S	H
A	S	B	K	S	E	M	B	A	J	E	T	S
A	C	D	K	I	W	X	E	V	S	Z	R	Y

KAEDAH PENYERTAAN

Peserta perlu menjawab soalan dalam 2 bahagian:

BAHAGIAN 1

Cari 5 perkataan tersembunyi.

Klu: Semua perkataan mempunyai kaitan dengan perancangan kewangan dan pelaburan dan dinyatakan dalam artikel yang dilampirkan.

BAHAGIAN 2 - Olympiad30

Jawab semua 30 soalan yang diberikan.

Panduan jawapan boleh dicari dalam artikel yang diterbitkan bersama promosi Kuiz Pelaburan PNB ini, Facebook & YouTube Sembang-sembang ASNB dan laman web rasmi ASNB di www.asnb.com.my.

Pautan borang penyertaan boleh diakses di www.asnb.com.my atau imbas QR code berikut:



www.asnb.com.my

2022

Kategori Umum

Tarikh tutup penyertaan:
31 Ogos 2022



Saguhati: 75x RM100

TERMA & SYARAT UMUM PENYERTAAN

- Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia **18 tahun ke atas**.
- Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum boleh diakses di www.asnb.com.my. Peserta perlu **menjawab secara dalam talian (on-line)**.
- Peserta perlu menjawab soalan yang disediakan di:
 - Bahagian 1:** Cari lima perkataan tersembunyi dan
 - Bahagian 2:** 30 soalan
- Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja. Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan penganjur. Keputusan pemenang adalah mutkamad.
- Terma dan syarat lengkap Kuiz Pelaburan PNB boleh dilayari di www.asnb.com.my